

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH : 23.5.2016**

**SOALAN :**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pembayaran kepada pihak swasta untuk perkhidmatan pembersihan (house-keeping) sekolah, pejabat dan institusi pendidikan bagi tahun 2014 dan 2015. Berapakah bilangan pekerja yang diupah oleh pihak kontraktor dalam membekal perkhidmatan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pembayaran bagi kontrak perkhidmatan kebersihan bangunan dan kawasan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2014 ialah sebanyak RM 903,500,625.86 dan RM809,534,533.90 bagi tahun 2015.

Bilangan pekerja yang dibekalkan oleh syarikat pembersihan adalah berdasarkan kontrak. Bilangan pekerja ditetapkan berdasarkan norma penetapan bilangan pekerja yang mengambil kira bilangan enrolmen murid, keluasan kawasan dan bilangan penghuni asrama.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ]**  
**TARIKH : 23.5.2016 (ISNIN)**  
**SOALAN : 13**

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian mempertimbangkan untuk menukar kaedah bantuan BAUCER BUKU 1MALAYSIA (BB1M) kepada bentuk tunai bagi mengelak gejala menebus baucer kepada tunai dan apakah Kerajaan mahu menimbangakan cadangan untuk melanjutkan tempoh BB1M yang sedia ada selaras dengan sesi kemasukan pelajar universiti.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa berusaha untuk menambahbaik kaedah pemberian Baucer Buku 1Malaysia (BB1M). Setakat ini, KPT telah menerima tiga (3) cadangan berkenaan kaedah pelaksanaan BB1M yang lebih efektif daripada tiga (3) organisasi.

Cadangan tersebut adalah Kad Siswa ciri terbaru (Mastercard), e-BB1M oleh Syarikat Yaelba Sdn. Bhd. dan e-BB1M oleh Bank Simpanan Nasional. Kesemua cadangan ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan KPT mendapati terdapat beberapa penambahbaikan yang perlu dibuat terhadap cadangan tersebut sebelum ia diputuskan. Pihak KPT

telah meminta organisasi terlibat untuk menambahbaik cadangan berkenaan dan mengemukakan semula cadangan yang telah dikemaskini untuk dipertimbangkan. Sehingga hari ini, KPT masih belum menerima maklum balas mengenai penambahbaikan tersebut.

Bagi pelaksanaan pada masa akan datang, KPT akan mengubahsuai tempoh pemberian dan sah laku BB1M bagi memenuhi keperluan pelajar pada setiap awal semester pengajian.